

Dr. M tiba di New York

UM 25 SEP 2003

NEW YORK 24 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di New York pagi ini dalam rangka lawatan kerja selama dua hari - lawatan terakhir beliau sebagai Perdana Menteri ke Amerika Syarikat (AS).

Lawatan tersebut adalah bersempena dengan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang akan turut menyaksikan beliau berucap esok bagi kali terakhir sebagai ketua kerajaan Malaysia.

Beliau dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali tiba di sini dengan pesawat khas selepas menamatkan lawatan kerja ke London dan Sweden kira-kira 11 pagi (11 malam waktu Malaysia).

Ketibaan mereka disambut oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan delegasi Malaysia yang telah berada di sini sejak beberapa hari lalu.

Perdana Menteri memulakan acaranya hari ini dengan melawat Hadyn Planetarian, diikuti pertemuan dengan intelektual Islam serta perbincangan bersama pemimpin Heritage Foundation.

Selain itu, Dr. Mahathir akan mengadakan pertemuan berasingan dengan Presiden Filipina, Gloria M. Arroyo dan Perdana Menteri Fiji, Laisenia Qarase bagi bertukar-tukar pandangan serta membincangkan hubungan dua hala. — *Utusan*